

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PEMBUKAAN RASMI PESTA PERDANA ULU LANGAT DI STADIUM KAJANG PADA 1HB NOVEMBER, 1975

Saudara Pengerusi, Y.A.B. Datuk Haji Harun Idris¹, Dif-dif Terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat bersama-sama dengan saudara-saudara di majlis Pesta Perdana pada pagi ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak penganjur Pesta ini iaitu UMNO Bahagian Ulu Langat di bawah pimpinan Y.B. Encik Azmir dan Gerakan Belia 4-B Malaysia kerana sudi menjemput saya merasmikan Pesta yang meriah ini.

Melihat kepada sambutan meriah yang diberikan kepada saya sebentar tadi dan persiapan rapi yang telah dibuat bagi Pesta ini, maka sudah sepatutnya penganjurnya diberi pujian di atas inisiatif mereka itu. Pesta ini jelas menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin tempatan dengan kerjasama penduduk-penduduk di sini dapat mengadakan aktiviti seperti Pesta ini dalam mana penduduk-penduduk setempat sendiri menyertainya dan di samping itu memberi faedah seluruhnya kepada mereka.

Saya percaya selain dari tujuan mengumpul wang untuk melaksanakan usaha-usaha kebajikan untuk penduduk yang kurang bernasib baik di kawasan Ulu Langat ini, Pesta Perdana ini akan memberi peluang kepada penduduk di sini untuk menyaksikan dan mengetahui serba sedikit tentang pembangunan yang sedang berlaku dan yang telah dicapai oleh Daerah ini.

Saudara-saudara sekalian,

Daerah Ulu Langat semenjak beberapa tahun kebelakangan ini telah mengalami proses pembangunan yang pesat. Pusat-pusat pertumbuhan baru, kawasan-kawasan perumahan, kilang-kilang perusahaan, bangunan pejabat dan kedai, tempat-tempat hiburan

¹ Menteri Besar Selangor.

dan kerehatan telah muncul dan memberi wajah baru kepada daerah ini dan bandar Kajang khususnya yang menjadi nadi menggerakkan pembangunan di kawasan ini dan kawasan sekitarnya.

Saya percaya sedikit sebanyak penduduk di kawasan ini telah dapat menikmati hasil daripada pembangunan ini dan saya percaya Daerah Ulu Langat ini akan terus membangun lebih-lebih lagi dengan adanya pembangunan bandar baru Bangi dan projek pembinaan Universiti Kebangsaan yang baru yang akan membuka peluang-peluang baru kepada penduduk-penduduk di kawasan sekitarnya.

Saya dapat melihat tidak beberapa lama lagi kawasan ini akan berubah wajah menjadi pusat pertumbuhan baru yang besar seperti Petaling Jaya dan Shah Alam. Semuanya ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat dan Negeri sentiasa memberi perhatian berat dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membawa pembangunan kepada Negeri Selangor khususnya dan negara amnya supaya rakyat dapat menikmati hasil-hasil rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah melaksanakan berbagai projek besar seperti pembinaan pusat bandar baru Shah Alam, Pendamaran, Kelang, dan juga kawasan bandar baru Bangi yang sedang berjalan sekarang. Selain dari itu, projek-projek perumahan, bangunan-bangunan pejabat dan kedai dan tempat-tempat hiburan dan kerehatan yang lebih sempurna telah dibina untuk kemudahan rakyat.

Negeri Selangor pada hari ini merupakan negeri yang termaju sekali di Semenanjung Malaysia dan Kerajaan Pusat akan terus membantu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk meneruskan rancangan-rancangannya untuk faedah rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Sungguhpun dari segi pelaksanaan projek-projek untuk kemudahan rakyat, badan-badan seperti PKNS telah bergerak cergas dan berkesan, tetapi dari segi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat terutama oleh jentera Kerajaan di peringkat bawahan

seperti peringkat Daerah masih belum memuaskan. Pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat Daerah yang paling hampir dengan rakyat jelata hendaklah memperkemas jentera pentadbiran mereka dan mengurangkan kelambatan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Kelambatan menyelesaikan masalah dan kehendak rakyat terutama dalam soal-soal seperti tanah dan sebagainya akan menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat yang boleh menjejaskan pandangan mereka terhadap Kerajaan. Rakyat di zaman ini bukan lagi seperti di zaman dahulu: mereka lebih mengetahui dan sedar tentang hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat bawah yang selalu berdamping secara langsung dengan rakyat harus mempunyai sikap dan cara bekerja yang sesuai dengan taraf pemikiran rakyat di zaman ini. Mereka harus lebih cepat dan cekap dalam pekerjaan mereka sehari-hari untuk memenuhi keperluan dan kehendak rakyat. Hanya dengan sikap yang demikian, dapat mengekalkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan yang mereka pilih itu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita tema yang dipilih bagi Pesta ini iaitu "Masyarakat Bersatu Negara Maju" kerana ia sangat tepat dan sesuai dengan semangat harmoni dan persefahaman yang sedang berkembang luas di kalangan rakyat di negara kita sekarang ini.

Kerajaan telah menjalankan berbagai langkah dan usaha untuk memupuk dan menanam perasaan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Jawatankuasa Muhibbah telah lama wujud di kawasan-kawasan penduduk berbilang kaum dan Majlis Perhubungan Masyarakat yang telah dan sedang ditubuhkan di bandar-bandar besar adalah memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan perasaan harmoni dan saling mengerti di kalangan rakyat. Saya harap penduduk-penduduk bandar seperti Kajang ini dan bandar-bandar lainnya di seluruh negara akan mengambil bahagian sewajarnya dalam usaha badan-badan ini untuk faedah mereka.

Begitu juga saya berharap kawasan-kawasan bandar terutamanya yang belum lagi mempunyai rancangan Rukun Tetangga akan mengambil daya usaha sendiri untuk menghubungi pihak berkenaan untuk mengadakan rancangan Rukun Tetangga dengan

seberapa segera di tempat masing-masing supaya dengan itu rakyat dapat mengawal keselamatan dan keamanan di tempat mereka sendiri.

Saya gembira semenjak di lancarkan Rukun Tetangga, sambutan dari rakyat sangat menggalakkan. Matlamat Rukun Tetangga sangatlah sesuai dengan keadaan di negara kita yang penduduknya terdiri dari berbagai kaum kerana selain dari rakyat mengambil peranan mengawal keselamatan kawasan masing-masing, secara tidak langsung juga penduduk-penduduk dapat berkenal mesra antara satu sama lain ketika menjalankan tugas dan dengan ini dapat menolong menanamkan perasaan saling mengerti yang mendalam di antara mereka.

Tetapi matlamat besar rancangan Rukun Tetangga ialah supaya rakyat sendiri mengambil peranan dan tanggungjawab menjaga dan memelihara keselamatan dan keamanan negara. Sebagaimana yang sering saya katakan, masalah keselamatan negara bukanlah semata-mata tanggungjawab Pasukan Keselamatan yang keupayaannya memang terhad tetapi adalah juga tanggungjawab rakyat bersama. Oleh itu adalah menjadi kewajipan mereka untuk tampil secara sukarela untuk membantu kerajaan menjaga dan memelihara keselamatan negara.

Pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional tidak akan berhenti dari menjalankan gerakan-gerakan secara kekerasan untuk mencapai matlamat mereka hendak berkuasa di negara ini. Dalam usaha ini mereka akan menggunakan segala macam cara dengan tujuan melemahkan semangat rakyat seperti membunuh dengan kejam anggota-anggota Pasukan Tentera dan Polis dan merosakkan harta benda Kerajaan. Dulu mereka hanya bergerak dalam hutan tetapi sekarang mereka menjalankan kegiatan dalam bandar-bandar sebagai mengubah taktik mereka.

Saya suka mengulangi bahawa Kerajaan sama sekali tidak gentar dengan perbuatan jahat mereka yang tidak berperikemanusiaan itu dan akan menggunakan segala kekuatan yang ada padanya untuk menentang habis-habisan ancaman anasir-anasir pengganas ini. Kerajaan akan menambahkan bilangan anggota Pasukan Keselamatan dan menguatkan kekuatan angkatan bersenjata untuk menghadapi ancaman ini.

Dalam pada itu, saya suka juga menyeru rakyat yang taat setia dan cintakan negara ini dan yang cintakan cara hidup demokrasi yang kita amalkan di negara ini akan sentiasa bekerjasama dan membantu Kerajaan dalam usahanya membasmi gerakan pengganas Komunis dan anasir-anasir anti-nasional yang hendak merosakkan ketenteraman negara. Kita harus mensifatkan peperangan menghapuskan pengganas Komunis sebagai peperangan mempertahankan keutuhan dan Hidup Mati (survival) negara dan adalah menjadi kewajipan setiap rakyat yang taat setia memberi sumbangan dengan apa cara jua untuk mempertahankan keutuhan negara itu.

Saudara-saudara sekalian,

Saya puas hati dengan rancangan-rancangan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya dihapuskan jurang perbezaan di kalangan rakyat berbilang kaum dan mewujudkan masyarakat adil di negara kita, telah berjalan dengan baik dan memuaskan.

Saya percaya rakyat sekarang sudah benar-benar memahami hasrat dan cita-cita Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan memberi kerjasama kepada segala usaha Kerajaan bagi mencapai cita-cita murni itu.

Dalam pada itu, saya harap golongan yang tidak begitu ber-simpaty dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan itu tidak akan mengambil kesempatan menggunakan sentimen perkauman untuk memesongkan fikiran rakyat mengenai tujuan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru itu untuk tujuan politik mereka.

Rakyat seharusnya tidak lagi mempersoalkan tentang matlamat Dasar Ekonomi Baru itu oleh kerana tidak ada "alternative" (cara lain) yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah jurang perbezaan antara kaum di negara kita dengan adil dan saksama. Dasar Ekonomi Baru juga merupakan jaminan yang sebaik-baiknya dalam usaha kita membina masyarakat adil dalam negara yang makmur dan bersatu padu.

Saudara-saudara sekalian,

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Pesta Perdana ini kerana menjemput saya pada pagi ini dan sambutan meriah yang diberikan kepada saya.

Dengan sukacitanya, saya merasmikan pembukaan Pesta Perdana yang meriah ini.